

Khamis – 11 Februari 2021

Halaman : 32

Pasar raya Sarawak taja komputer tablet untuk pelajar Orang Asli Seremban

SUMBANGAN. Sebanyak 15 komputer tablet untuk kegunaan pelajar kategori 40 peratus terendah (B40) bagi mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) disumbangkan kepada pelajar Sekolah Menerengah Kebangsaan (SMK) Dato Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Md. Fiah Md. Jamin berkata, peranti berkenaan merupakan sumbangan sebuah pasar raya di Bintulu, Sarawak menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Brigid Negaraku bagi membantu pelajar yang memerlukan di negeri itu.

“Kami mengalu-alukan bantuan dari mana-mana pihak termasuk NGO untuk membantu golongan sasaran yang ada dalam senarai kami.

“Saya memahami kesukaran pelajar menghadapi PdPR, namun kami dan guru-guru akan bertungkus lumus memastikan pelajar-pelajar di negeri ini tidak tercincir dalam pembelajaran masing-masing,” katanya.



MD. FIAH (kiri) menyerahkan sumbangan peranti daripada NGO Brigid Negaraku kepada Zarinhida Rapi (empat dari kiri) di Kampung Orang Asli Broga, Lenggeng, Negeri Sembilan baru-baru ini.